

Bab 3 : Metodologi

3.0 Pendahuluan

Bahasa secara umumnya merupakan satu bentuk perlakuan sosial. Sebagai satu perlakuan sosial, bahasa dalam sesuatu komuniti ditentukan oleh faktor sosial dan faktor geografi komuniti tersebut. Dengan kata lain, kedua-dua faktor ini akan mewujudkan variasi linguistik di antara satu komuniti dengan komuniti yang lain. Variasi linguistik ini sering menjadi bahan kajian disiplin sosiolinguistik. Semasa mengkaji sesuatu fenomena bahasa di dalam sesuatu komuniti, lazimnya terdapat dua kaedah yang digunakan, iaitu kajian *arm chair* dan kajian lapangan. Hal ini bersesuaian dengan disiplin sosiolinguistik itu sendiri yang sebahagiannya bersifat empirikal dan sebahagian lain bersifat teoretikal (Hudson, 1980 : 1). Kajian *arm chair* cuba menghuraikan sesuatu fenomena bahasa berdasarkan intuisi atau pengalaman pengkaji. Namun bagi Hudson (1980 : 2), pendekatan *arm chair* yang semata-mata berasaskan pengalaman peribadi bahaya untuk diamalkan dalam kajian linguistik. Hal ini kerana cara ini jauh menyimpang daripada tatacara kajian lapangan.

Dalam kajian lapangan, pengkaji bahasa perlu melibatkan diri dalam komuniti bahasa yang dikaji. Keadaan ini selari dengan pendapat Trudgill (1974 : 172) bahawa sosiolinguistik merupakan kajian empirikal terhadap bahasa sebagaimana yang dituturkan dalam konteks sosialnya. Tegasnya, salah satu prinsip yang disarankan oleh Trudgill ialah penggunaan metodologi empirikal dalam kajian sosiolinguistik, iaitu kajian lapangan. Kajian

jenis ini lebih relevan kerana dapatan kajiannya mempunyai objektiviti dan kesahihannya boleh dipertanggungjawabkan.

Dalam penyelidikan sosiolinguistik, pengkaji lazimnya akan menggunakan pelbagai disiplin keilmuan terutamanya disiplin sosiologi, pendidikan dan psikologi semasa mengkaji sesuatu fenomena bahasa. Gabungan pelbagai disiplin ini ternyata cukup penting untuk mengumpul data-data linguistik yang diperlukan dalam sesuatu kajian. Salah satu kaedah yang semakin popular di kalangan ahli-ahli sosiolinguistik pada masa kini ialah kaedah kuantitatif yang dipelopori oleh W. Labov. Kaedah kuantitatif ini telah menggunakan konsep angkubah linguistik, dan perhubungannya dengan angkubah sosial.

3.1 Kaedah Penyelidikan

Dalam usaha mengumpul data-data linguistik, pengkaji akan menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan dan kajian lapangan. Untuk mendapatkan gambaran awal tentang fenomena bahasa yang akan dikaji, pengkaji telah membuat penyelidikan perpustakaan yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan asing. Ini kerana maklumat-maklumat daripada kajian lepas terutama dalam aspek sosial dan penggunaan bahasa dalam komuniti yang dikaji haruslah diperoleh lebih awal. Maklumat-maklumat tentang perlakuan bahasa ini akan memberikan gambaran awal tentang masyarakat yang dikaji. Oleh itu pengkaji telah mengadakan penyelidikan perpustakaan untuk mendapatkan gambaran yang jelas mengenai bahasa komuniti Cina Peranakan dan fenomena penggunaan bahasa dalam komuniti ini di jajahan Tanah Merah. Komuniti bahasa di sini merupakan satu kelompok atau kumpulan

yang mempunyai kesamaan dari segi bahasa. Di samping itu juga pengkaji telah meneliti fenomena percampuran kod dan pengalihan kod dalam komuniti lain di luar negara.

Oleh sebab tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk melihat sejauh mana proses pertuturan dwibahasa diamalkan di kalangan komuniti Cina Peranakan di Tanah Merah Kelantan, maka pengkaji akan menggunakan kajian lapangan yang merangkumi kaedah pemerhatian ikut serta, temu bual dan soal selidik. Memandangkan bahawa penyelidikan ini merupakan satu kajian sosiolinguistik yang memerlukan metodologi sosiologi dan linguistik yang bersistematik maka pengkaji cuba menerapkan penyelidikan kuantitatif. Penggunaan kaedah ini bertujuan untuk melihat secara sistematik frekuensi penggunaan pelbagai bahasa dalam lakuan pengalihan kod dan lakuan percampuran kod, dengan pengboleh ubah sosial seperti jantina, umur, pekerjaan dan pendidikan. Cara ini membolehkan kita melihat dan memahami dengan jelas perhubungan di antara bahasa dengan angkubah sosial secara mendalam.

Sebelum kajian lapangan dilakukan, pengkaji terlebih dahulu telah mengadakan tinjauan awal di tempat kajian. Tinjauan awal ini bermatlamat untuk mencari beberapa *key informant*, melihat pola petempatan, aktiviti ekonomi, dan aktiviti sosial komuniti yang dikaji. Tinjauan awal ini amat penting kerana pengkaji dapat memperkenalkan diri dan menyatakan matlamat kajian yang bakal dijalankan. Di samping itu, cara ini juga dapat menjadikan informan-informan tidak mempunyai syak wasangka terhadap pengkaji. Tanpa kerjasama daripada informan-informan, kajian lapangan ini sudah tentu akan menghadapi masalah. Oleh itu langkah bijak harus diatur dan diambil oleh pengkaji supaya timbul rasa kepercayaan daripada ahli-ahli komuniti yang dikaji. Hal ini dijelaskan oleh Burgess, R.

sebagai :

...developing trust and establishing relationship are a crucial part of a researcher's involvement in the social scene. The participant observer needs to blend into the situation if observations are to be made of the participants in the natural settings (Burgess R., 1984 : 92).

Dalam usaha mencari jambatan penghubung di antara pengkaji dengan informan-informan, pengkaji telah mendapat tiga *key informant* daripada komuniti Cina Peranakan . Tiga orang *key informant* daripada komuniti Cina terdiri daripada kawan pengkaji lulusan universiti dan berkhidmat sebagai pendidik. Mereka inilah yang akan membantu pengkaji semasa kerja lapangan dijalankan.

Kajian lapangan yang terlibat termasuk mengutip data-data linguistik melalui kaedah temu bual, soal selidik dan pemerhatian ikut serta. Temu bual dengan informan berdasarkan kepada soalan-soalan yang berkaitan dengan kehidupan seharian mereka dan bersesuaian dengan konteks atau dunia informan itu sendiri. Soalan temu bual ini tidak disediakan terlebih dahulu tetapi dikemukakan secara spontan, dan bersesuaian dengan konteks atau dunia informan itu sendiri. Temu bual ini akan dirakamkan tanpa disedari oleh informan. Tujuannya adalah supaya pengkaji dapat memperoleh satu perbualan yang natural dari segi data linguistik. Mungkin cara ini kurang sesuai dari segi etika tetapi inilah cara yang paling baik dan biasa digunakan oleh pengkaji-pengkaji sosiolinguistik semasa mengumpulkan data-data linguistik yang dikehendaki dalam sesuatu penyelidikan. Hal ini selari dengan pendapat Labov (1972) iaitu sekiranya pemaklum menyedari bahawa mereka sedang diperhatikan dan

perbualan mereka dirakam, ini pasti akan menggalakkan *self-monitoring* yang mungkin akan menjejaskan hasil kajian.

Kaedah seterusnya ialah kaedah soal selidik. Dalam kaedah ini pengkaji telah menyediakan soalan-soalan mengikut keperluan sebelum melakukan kajian lapangan. Soalan-soalan yang dibentuk terdiri daripada soalan terbuka dan tertutup yang meliputi umur, jantina, pendapatan, pekerjaan, pemilihan bahasa semasa berkomunikasi dan sebagainya. Dengan kata lain, sebanyak dua bentuk soal selidik yang dilakukan. Pertama, untuk mendapatkan profil sosiolinguistik, dan kedua untuk mengetahui bentuk kepenggunaan bahasa dalam komuniti yang dikaji. Pengkaji mempunyai kewajaran sendiri tentang struktur soal selidik yang dibina. Struktur soalan ini harus memudahkan para informan (Trudgill, 1974 : 53).

Bagi data yang diperoleh melalui pemerhatian pertuturan atau perbualan informan yang tidak dirakamkan, maka data linguistik jenis ini dicatat oleh pengkaji dalam buku catatan kecil. Jadi hanya data-data linguistik yang relevan dalam kajian sahaja yang akan dicatat dan bukannya keseluruhan wacana perbualan tersebut. Oleh itu kepelbagaian topik perbualan yang meliputi keseluruhan aspek kehidupan akan diperhati dan dicatatkan dalam buku catatan.

3.2 Jenis dan Sumber Data

Jenis data linguistik yang akan digunakan oleh pengkaji sepanjang penyelidikan ini

merupakan bahasa lisan yang digunakan oleh komuniti Cina Peranakan. Ini kerana setakat ini bentuk data bahasa ini hanya wujud dalam bentuk lisan sahaja dan bentuk tulisan bahasa ini belum lagi wujud. Dengan kata lain, jenis bahasa atau data linguistik yang dapat dikumpulkan untuk dijadikan bahan kajian datangnya daripada bahasa perbualan atau perlakuan bahasa yang digunakan oleh komuniti tersebut dalam kehidupan seharian mereka semasa mereka berinteraksi antara satu sama lain.

Cara mengumpul dan memperoleh data-data linguistik adalah melalui temu bual, soal selidik dan juga pemerhatian pengkaji semasa ahli-ahli komuniti tersebut berkomunikasi. Topik-topik perbualan itu tidak terikat atau terhad dengan soalan-soalan yang telah disediakan lebih awal. Sebaliknya topik-topik itu bergantung pada situasi atau keadaan semasa temu bual itu dijalankan. Tujuan utama pengkaji adalah untuk mendapatkan data linguistik yang bersifat natural tanpa sebarang gangguan yang boleh mempengaruhi penggunaan bahasa informan itu. Dengan kata lain, fenomena-fenomena pengalihan kod dan percampuran kod yang terdapat dalam perlakuan berbahasa itu adalah secara natural dan bukannya disengajakan oleh informan atau dipengaruhi oleh bahasa yang digunakan oleh pengkaji semasa temu bual dijalankan. Jenis data linguistik yang diperoleh itu merupakan bahasa yang lazim dan benar-benar digunakan oleh kedua-dua komuniti tersebut semasa berinteraksi. Temu bual penulis dengan informan hampir keseluruhannya akan berlaku di kediaman dan di tempat kerja mereka. Manakala data linguistik yang diperoleh pengkaji melalui pemerhatian pula kebanyakannya akan berlaku di kuil Tokong, di 'Wat' dan di kediaman informan semasa adanya majlis perkahwinan dan upacara-upacara keagamaan yang lain. Di tempat inilah penggunaan bahasa oleh kedua-dua komuniti ini akan dicatat di dalam buku catatan kecil pengkaji

3.3 Persampelan

Demi kelancaran dan kejayaan penyelidikan ini , pengkaji mempunyai strategi persampelan dalam mengumpul data-data yang diinginkan melalui informan-informan yang dipilih secara rawak. Oleh itu, bagi menjayakan penyelidikan ini, sebanyak lima puluh enam perbualan dirakam oleh pengkaji untuk dijadikan sebagai sampel (Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang jumlah peserta dalam perbualan, sila rujuk lampiran E). Setiap perbualan pula mengandungi seorang informan yang menjadi sampel kajian (Lihat lampiran A). Perbualan-perbualan ini mengambil masa di antara 2 minit hingga tiga minit setengah, dan melibatkan 2 hingga 7 "turn-taking". Perlu ditegaskan di sini bahawa sebelum menjalankan kajian di lapangan, pengkaji akan menentukan angkubah sosial atau kategori sosial dan angkubah linguistik yang hendak dikaji berdasarkan andaian yang tertentu. Perkara-perkara tersebut merangkumi jenis sampel dan saiz sample bagi setiap kategori seperti jantina, umur, pendidikan dan pekerjaan. Perincian pemilihan sampel adalah seperti berikut.

Jadual 3.0

Persampelan Kajian

	Kampung Pasir Panji		Kampung Jelatok		Kampung-kampung lain	
	L	P	L	P	L	P
60 tahun ke atas	3	3	3	3	1	1
40-59 thn	3	3	3	3	1	1
20-39 thn	3	3	3	3	1	1
13-19 thn	3	3	3	3	1	1
Jumlah	12	12	12	12	4	4

Dalam kajian ini, tumpuan untuk mengumpul sampel-sampel adalah di Kampung Pasir Panji dan Kampung Jelatok. Ini kerana kedua-dua kampung ini merupakan kampung Cina Peranakan yang besar di jajahan Tanah Merah. Kampung Jelatok misalnya mempunyai 88 buah rumah manakala Kampung Pasir Panji mempunyai 49 buah rumah. Kampung-kampung kecil lain hanya mempunyai sebuah hingga 11 buah rumah sahaja (Sila rujuk lampiran D).

Pengkaji akan mengutip lima puluh enam perbualan untuk dianalisis dalam kajian ini. Umur informan-informan yang terlibat dalam perbualan dikawal. Informan-informan sekurang-kurangnya berumur tiga belas tahun sehingga umur enam puluh tahun atau ke atas. Umur minimum informan, iaitu tiga belas tahun menjadi pilihan pengkaji kerana pada tahap ini mereka sudah berada di sekolah menengah, dan mempunyai dunia sosial yang agak luas. Apatah lagi melalui pemerhatian pengkaji pada tahap umur ini mereka telah menjadi anggota komuniti dwibahasa. Jenis sampel yang dipilih oleh pengkaji adalah secara rawak. Ini bertujuan agar setiap sampel mempunyai kemungkinan yang sama untuk dipilih.

3.4 Instrumentasi

Data linguistik dalam penyelidikan ini diperolehi melalui tiga cara utama, iaitu secara temu bual, soal selidik dan pemerhatian ikut serta kepada perlakuan berbahasa informan yang telah dipilih oleh pengkaji. Perbualan itu telah dirakamkan oleh pengkaji dengan menggunakan pita rakaman yang kecil. Pengkaji menggunakan alat perakam yang kecil dengan tujuan supaya sesuatu rakaman itu dapat dijalankan tanpa disedari oleh para

informan. Ini kerana pengkaji ingin memperoleh perbualan yang bersifat natural supaya para informan akan menggunakan bahasa yang lazim digunakan oleh mereka dalam kehidupan harian. Pengkaji akan sedaya upaya untuk mengelakkan daripada sebarang gangguan yang boleh mempengaruhi penggunaan bahasa informan.

Dalam suasana yang tidak mengizinkan pengkaji menggunakan alat perakam, pengkaji akan cuba mencatatkan dalam buku kecil. Segala data linguistik yang didapati itu akan dicatat dalam buku catatan tersebut. Keadaan yang dimaksudkan ialah seperti semasa pengkaji berkomunikasi dengan informan di dalam kedai dan tempat-tempat lain yang agak bising. Dalam situasi sebegini, memerhati, mendengar dan mencatat merupakan cara yang paling sesuai.

3.5 Kaedah Menganalisa Data

Setelah memperoleh data-data linguistik yang relevan, rakaman pertuturan itu akan dimainkan kembali untuk dianalisis. Sebelum data linguistik itu boleh digunakan oleh pengkaji untuk dianalisis, pengkaji akan mentranskripsikan data-data linguistik tersebut. Pengkaji akan menggunakan dua sistem fonetik untuk mentranskripsikan data-data linguistik ini, iaitu Hanyu Pinyin untuk bahasa Mandarin, dan International Phonetic Alphabet (IPA) untuk bahasa Melayu dialek Kelantan, BHCPK, bahasa Thai dialek Kelantan dan bahasa Inggeris. BHCPK dan bahasa Thai dialek Kelantan merupakan bahasa yang bersifat tonemis. Oleh itu pengkaji menggunakan simbol-simbol nada Hanyu Pinyin untuk menandakan nada-nada dalam BHCPK dan bahasa Thai dialek Kelantan. Data-data linguistik yang

diperoleh melalui catatan juga akan ditranskripsikan semula. Dengan kata lain , hanya data-data linguistik yang relevan sahaja akan diproses, dipilih dan ditranskripsikan dan akhirnya dianalisis serta diuraikan oleh pengkaji secara terperinci.

Analisis data linguistik ini dilakukan berdasarkan kepada perkataan, frasa, dan klausa dalam setiap perbualan. Pengkaji mempunyai panduan tertentu untuk mengkategorikan sesuatu perkataan, frasa atau klausa itu sama ada ia merupakan pengalihan kod atau percampuran kod dalam setiap wacana dalam perbualan. Definisi-definisi yang terdapat dalam bab satu tentang pengalihan kod dan percampuran kod itu dijadikan kayu pengukur bagi pengkaji membezakan antara kedua-dua fenomena sosiolinguistik tersebut.

Bagi membandingkan jenis kod yang lebih kerap digunakan oleh ahli-ahli komuniti kedua-dua komuniti ini; iaitu sama ada pengalihan kod atau percampuran kod, pengkaji akan menganalisis data-data linguistik tersebut berdasarkan klausa yang terdapat dalam sesuatu perbualan. Setelah kadar kekerapan penggunaan pengalihan kod dan percampuran kod dikira dan dinyatakan dalam bentuk angka, langkah seterusnya ialah menukarkan segala angka yang diperoleh tersebut ke dalam bentuk peratusan untuk memudahkan perbandingan.

Melalui data linguistik yang sama, pengkaji akan melihat dan menghubungkaitkan pengalihan kod dan percampuran kod dengan angkuah sosial seperti jantina, pendidikan , umur dan pekerjaan. Di samping itu, pengkaji juga akan cuba memperlihatkan dengan jelas bagi sesuatu faktor itu ke atas fenomena pengalihan kod dan percampuran kod yang terdapat di dalam komuniti Cina Peranakan di daerah Tanah Merah.

Selepas itu pengkaji akan menganalisis dan memproses setiap data yang relevan itu serta mengkategorikan setiap fungsi pengalihan kod dan percampuran kod yang terdapat dalam sesuatu perbualan. Di samping itu pengkaji juga memberikan perhatian tentang perbezaan di antara istilah pengalihan kod dengan peminjaman dan percampuran kod. Dengan kata lain, pengalihan kod harus diasingkan daripada kata pinjaman, dan pengalihan kod harus dibezakan daripada percampuran kod. Ini adalah penting kerana cara kita mendefinisikan istilah-istilah ini akan menentukan sama ada pengalihan kod atau percampuran kod benar-benar berlaku atau tidak.

Definisi dan perbezaan di antara pengalihan kod dan percampuran kod telah dijelaskan dalam bab satu. Sementara itu kata pinjaman menurut Nik Safiah Karim (1988 : 3) ialah apabila kata-kata bahasa asing itu disesuaikan mengikut struktur satu-satu bahasa itu. Pinjaman ini meliputi juga morfem terikat seperti anti- , sub- , pro-, -wan dan sebagainya. Di samping itu kata , frasa atau ungkapan yang jarang digunakan juga dianggap sebagai peminjaman (Gumperz, 1977 : 9) . Oleh itu kata pinjaman ini boleh didefinisikan sebagai kata-kata satu bahasa yang telah diasimilasikan ke dalam sistem linguistik bahasa yang menjadi penyerap itu dianggap sebagai kata pinjaman dan bukannya pengalihan kod. Misalnya kata-kata bahasa Melayu seperti lori , bas, televisyen , polis , stesen dan sebagainya yang berasal daripada bahasa Inggeris telah diasimilasikan ke dalam sistem nahu bahasa Melayu.

Tegasnya, pengalihan kod dan percampuran kod dalam kajian ini bersifat antarabahasa, iaitu bahasa Hokkien, bahasa Melayu dialek Kelantan , bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin. Di sini bahasa yang menjadi pokok perbincangan adalah di antara BHCPK dengan bahasa

Melayu dialek Kelantan, dan bahasa Thai dialek Kelantan.

3.6 Kesimpulan

Penyelidikan sociolinguistik dalam komuniti minoriti yang banyak mengalami asimilasi merupakan satu penyelidikan yang amat menarik. Hal ini kerana komuniti ini merupakan komuniti dwibahasa yang boleh bertutur dalam bahasa Melayu dialek Kelantan dengan fasih. Dalam usaha menghuraikan sesuatu fenomena bahasa di dalam komuniti ini sesungguhnya masih belum terdapat sesuatu teori yang khusus untuk digunakan dalam sesuatu kes atau sesuatu kajian. Ini amat berlainan sekali dengan penyelidikan linguistik tulen. Misalnya, dalam bidang penyelidikan sintaksis, kita mempunyai Teori Kuasaan dan Tambatan, Teori Transformasi Generatif dan sebagainya. Sebaliknya teori yang terdapat dalam penyelidikan sociolinguistik belum benar-benar mantap. Ini bermakna sesuatu teori tidak semestinya sesuai bagi semua kes yang sama. Misalnya fenomena pengalihan kod di Norway dan faktor-faktor yang mempengaruhinya adalah berlainan dengan yang wujud di Malaysia.